



Penstrukturan semula industri air Pahang beri impak positif

Oleh **Asrol Awang** - November 19, 2022 @ 4:29pm
bhnews@bh.com.my



Saiful Zaini ketika meninjau kerja pemasangan paip baharu di kawasan Mahkota Golf and Country Club (MGCC), Kuantan. -Foto Asrol Awang/NSTP

KUANTAN: Penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air membabitkan kos keseluruhan RM2.1 bilion memberi impak positif dalam usaha mengatasi masalah bekalan air di Pahang. Penstrukturan bermula pada 5 September 2018 itu membuktikan komitmen Kerajaan Pahang memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyatnya.

Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP), Saiful Zaini Mohd Bokhari, berkata pelaksanaan itu selepas mengkaji secara mendalam dan menerima pelbagai pandangan peringkat pentadbiran negeri mengenai tawaran awal penstrukturan semula perkhidmatan bekalan air.

Beliau berkata, Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail bersetuju memulakan semula perbincangan tawaran Kerajaan Persekutuan mengenai penstrukturan itu.

"Projek ini bagi meneruskan dan mengambil segala langkah wajar tuntas ke arah penstrukturan semula perkhidmatan bekalan air.

"Selain itu, menubuhkan satu pasukan petugas bagi merunding dan menguruskan langkah penstrukturan.

"Pada 6 September 2018, Menteri Besar memaklumkan persetujuan kerajaan negeri untuk menstruktur semula industri perkhidmatan bekalan air di Pahang kepada Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli (KeTSA) Dr Xavier Jayakumar," katanya.

Hapus kira hutang

Saiful Zaini berkata, pada 29 September 2019, hapus kira hutang Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) yang diluluskan Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kewangan dimuktamadkan. Katanya, pada 30 Mac 2020, semua draf perjanjian dikemas kini dan dimuktamadkan berdasarkan terma utama dipersetujui Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri .

"Ini termasuk jumlah yang setuju dihapus kira dan diinovasikan dengan keseluruhan berjumlah RM2.1 bilion.

"Pada 23 Disember 2020, majlis menandatangani Perjanjian Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air Pahang antara Kerajaan Persekutuan (Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air), Kerajaan Pahang (Setiausaha Kerajaan Pahang), Ketua Pegawai Eksekutif PAIP dan Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dimeterai di Kuantan.

"Pada 26 April lalu, Kerajaan Persekutuan (Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air), Kerajaan Pahang (Setiausaha Kerajaan Negeri), Ketua Pegawai Eksekutif PAIP dan Ketua Pegawai Eksekutif PAAB menandatangani perjanjian tambahan kepada perjanjian utama," katanya.

Justeru, Saiful Zaini berkata, PAIP berterima kasih kepada kerajaan negeri melalui kepimpinan Wan Rosdy dan Setiausaha Kerajaan Pahang merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah PAIP yang menjadi tunggak utama mengusahakan dan menandatangani perjanjian bersama Kerajaan Persekutuan mengenai penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air.

"Dengan termeterainya perjanjian ini, PAIP mendapat akses kemudahan pinjaman PAAB bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan air di Pahang," katanya.